




**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**  
**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel. : 03-88853001  
Faks : 03-88892187  
E-mel : abubakar.kppa@jpa.gov.my  
Web : <http://www.jpa.gov.my>



Ruj. Kami : JPA(S)NP 134/8/1 Jld.23 ( 13 )

Tarikh : 18 Oktober 2010

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

Tuan,

**URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA KHAS UNTUK PENYANDANG (KUP)  
DI BADAN BERKUASA BERKANUN DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa melalui semakan Jabatan ini, terdapat agensi kerajaan yang tidak merujuk kepada Jabatan ini dalam melaksanakan urusan kenaikan pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP) kepada pegawai di bawah agensi masing-masing. Selain daripada urusan kenaikan pangkat secara KUP yang diputuskan kerajaan kepada Kumpulan Sokongan yang berkhidmat melebihi 15 tahun, semua cadangan kenaikan pangkat secara KUP hendaklah mendapat kelulusan daripada Jabatan ini terlebih dahulu. Walaupun agensi kerajaan berkenaan berstatus '*self-financing*' dan mempunyai Pihak Berkuasa Kenaikan Pangkat sendiri, namun cadangan keputusan mengenai KUP sebenarnya melibatkan perubahan pada gred jawatan berkenaan. Di samping itu, urusan kenaikan pangkat secara KUP akan memberi kesan kepada struktur organisasi sedia ada dan memberi implikasi dari aspek perkhidmatan dan kewangan termasuk pembayaran pencen pegawai yang kemudiannya akan ditanggung oleh kerajaan.

3. Jabatan ini juga ingin menarik perhatian bahawa kenaikan pangkat secara KUP hanya dipertimbangkan bagi kes-kes tertentu dan ia dilaksanakan dengan amat teliti setelah mengambil kira prestasi pegawai, sumbangan pegawai serta

kepentingan perkhidmatan. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat keperluan untuk menaikkan taraf atau gred sesuatu jawatan berikutan pertambahan skop atau fungsi, ia hendaklah dilaksanakan melalui kajian dan semakan semula struktur organisasi berkenaan.

Sekian, di atas perhatian dan kerjasama yang diberikan didahului dengan ucapan terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH)**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
MALAYSIA

s.k.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri